



Kerjasama Pakatan Harapan–Barisan Nasional Selepas PRU15: Analisis dalam Konteks Pilihan Raya Negeri dan Pilihan Raya Kecil di Malaysia
(*Cooperation between Pakatan Harapan and Barisan Nasional after GE15: An Analysis in the Context of State Elections and By-Elections in Malaysia*)

Muhammad Azzubair Awwam Mustafa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sarawak
(*Corresponding Author)
Kartini Aboo Talib@Khalid
Institut Kajian Etnik (KITA), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Nazri Muslim
Institut Kajian Etnik (KITA), Pusat Pengajian Citra Universiti (CITRA),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
mmaawwam@unimas.my

ABSTRACT

This article analyses the electoral cooperation between Pakatan Harapan (PH) and Barisan Nasional (BN) after the 15th General Election (PRU15), focussing on state elections and by-elections. This study uses a qualitative approach and is analysed based on the theory of political consensus (Lijphart, 1969) and political realism (Morgenthau, 1948) to understand the dynamics and effectiveness of this cooperation. The study findings indicate that the PH-BN cooperation is more tactical in nature and does not reflect a deep form of consensus. DAP maintains strong support while UMNO experiences a decline, particularly in majority Malay areas. This cooperation also does not involve all BN component parties, as UMNO is the only BN component party that benefits from this cooperation. However, this cooperation plays an important role in ensuring short-term stability and providing competition to Perikatan Nasional. This study contributes to the academic discourse on the evolution of coalition politics in the increasingly complex Malaysian political landscape.

Keywords: *Malaysian politics; consociationalism; political realism; electoral alliances; state elections*

ABSTRAK

Artikel ini menganalisis kerjasama pilihan raya antara Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) dengan memberi tumpuan kepada pilihan raya negeri dan pilihan raya kecil. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan dianalisis berdasarkan teori permuafakatan politik (Lijphart, 1969) dan realisme politik (Morgenthau, 1948) bagi memahami dinamika dan keberkesanan kerjasama ini. Dapatan



kajian mendapati kerjasama PH-BN lebih bersifat taktikal dan tidak mencerminkan satu bentuk permuafakatan mendalam. DAP mengekalkan sokongan kuat manakala UMNO mengalami kemerosotan, khususnya di kawasan majoriti Melayu. Kerjasama ini juga tidak melibatkan semua parti komponen BN, apabial UMNO sahaja sebagai parti komponen BN yang memperoleh keuntungan dalam kerjasama tersebut. Namun, kerjasama ini berperanan penting dalam menjamin kestabilan jangka pendek dan memberi saingan kepada Perikatan Nasional. Kajian ini menyumbang kepada wacana akademik tentang evolusi politik gabungan dalam landskap politik Malaysia yang semakin rencam.

Kata kunci: Politik Malaysia; konsosiasionalisme; realisme politik; kerjasama pilihan raya; pilihan raya negeri

PENGENALAN

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) yang berlangsung pada 19 November 2022 telah menterjemahkan keputusan yang tidak pernah berlaku dalam sejarah politik Malaysia apabila tiada satu gabungan politik berjaya memperoleh majoriti mudah untuk membentuk kerajaan di peringkat Persekutuan. Keputusan parlimen tergantung ini mendorong kepada perundingan antara pelbagai gabungan politik utama, dan akhirnya menyaksikan pembentukan Kerajaan Perpaduan di bawah pimpinan Anwar Ibrahim, melibatkan kerjasama Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) bersama beberapa parti lain termasuk Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Rakyat Sabah (GRS) dan WARISAN (Welsh, 2023; Gomez & Lee, 2023).

Kerjasama antara PH dan BN, dua entiti politik yang sebelum ini menjadi seteru utama, menandakan satu dinamika besar dalam sistem politik di Malaysia. Sejak penubuhan Perikatan pada 1950-an hingga zaman dominasi BN yang berakhir pada 2018, politik Malaysia dibentuk melalui model permuafakatan antara parti-parti berasaskan etnik. Walau bagaimanapun, permuafakatan politik pasca-PRU15 memperlihatkan bentuk baru kerjasama rentas ideologi yang lebih pragmatik dan bersifat survival politik, daripada berasaskan prinsip kerjasama etnik semata-mata (Liow & Yong, 2020).

Kerjasama yang dirintis pada penghujung 2022 dalam pembentukan kerajaan perpaduan di Persekutuan tidak terhenti di situ sahaja apabila PH dan BN, khususnya di Semenanjung, melakukan banyak eksperimen politik dalam siri pilihan raya negeri dan pilihan raya kecil. Dalam konteks ini, pilihan raya negeri (PRN) dan pilihan raya kecil (PRK) yang diadakan selepas PRU15 menjadi medan ujian kritikal terhadap keutuhan kerjasama PH-BN. Kejayaan atau kegagalan kerjasama ini bukan sahaja akan mempengaruhi kedudukan Kerajaan Perpaduan di peringkat Persekutuan, malah berpotensi mencorakkan semula trajektori politik Malaysia pada masa depan. Oleh itu, analisis terhadap bagaimana kerjasama ini diterjemahkan di peringkat pilihan raya negeri dan kecil adalah penting untuk memahami dinamika sebenar permuafakatan politik baharu ini.



Kajian ini menggunakan pendekatan teori permuafakatan politik seperti yang dihuraikan oleh Lijphart (1969) yang menekankan perkongsian kuasa dalam masyarakat majmuk, di samping mempertimbangkan elemen realisme politik (Morgenthau, 1948) yang menegaskan kepentingan survival dan kuasa sebagai asas tindakan politik. Kedua-dua kerangka ini akan digunakan untuk memahami motivasi serta corak interaksi antara PH dan BN dalam mengurus kerjasama pasca-PRU15.

Di samping itu, kajian ini juga mengambil kira literatur terkini yang mengkaji perubahan dinamika politik Malaysia selepas PRU14 dan PRU15 (Weiss, 2020; Ufen, 2022; Chin, 2021; Welsh, 2023). Kajian-kajian ini telah menggariskan bagaimana krisis keyakinan terhadap elit politik, ketidakstabilan kerajaan, dan penjajaran semula kuasa politik telah membentuk satu era baharu dalam politik Malaysia yang lebih berpecah-belah, tetapi juga lebih terbuka kepada eksperimen bentuk-bentuk kerjasama baharu.

Sejarah politik Malaysia menunjukkan bahawa permuafakatan antara parti politik bukanlah sesuatu yang asing. Model awal kerjasama UMNO-MCA-MIC melalui Perikatan selepas kemerdekaan adalah manifestasi pendekatan konsosiasionalisme klasik, yang memperlihatkan parti-parti mewakili komuniti etnik yang berbeza berkongsi kuasa untuk menjaga kestabilan negara (Von Vorys, 1975; Funston, 1999). Namun begitu, perubahan demografi, tuntutan rakyat terhadap reformasi, dan perkembangan parti-parti pelbagai kaum telah menuntut adaptasi terhadap model permuafakatan tersebut. Kerjasama PH-BN pasca-PRU15 boleh dilihat sebagai satu evolusi bentuk permuafakatan ini — dengan lebih penekanan kepada pragmatisme politik berbanding perkongsian kuasa berasaskan etnik semata-mata.

Dalam analisis ini, fokus akan diberikan kepada PRN 2023 serta beberapa PRK yang diadakan selepas itu. Dengan itu, kajian ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas tentang keberkesanan dan ketahanan kerjasama PH-BN dalam konteks politik pilihan raya pasca-PRU15. Secara keseluruhannya, kajian ini bertujuan menyumbang kepada diskusi akademik tentang evolusi permuafakatan politik di Malaysia, serta menilai sejauh mana bentuk kerjasama baharu ini mampu bertahan dalam menghadapi realiti politik yang kian mencabar dan dinamik..

KERANGKA ANALISIS

Teori permuafakatan politik (*consociational democracy*) diperkenalkan oleh Arend Lijphart (1969; 1977) dalam usahanya memahami bagaimana masyarakat yang berpecah dari segi etnik, agama, atau budaya boleh mencapai kestabilan politik melalui perkongsian kuasa. Menurut Lijphart (1969), terdapat empat ciri utama konsosiasionalisme; kerajaan gabungan besar (*grand coalition*), perwakilan berkadar (*proportionality*), kuasa veto kepada kumpulan minoriti (*mutual veto*), dan autonomi segmen (*segmental autonomy*). Model permuafakatan ini bertujuan memastikan semua kumpulan utama dalam masyarakat mempunyai suara dalam pemerintahan, sekaligus mengurangkan risiko konflik diketengahkan secara terbuka. Dalam



konteks Malaysia, banyak kajian awal telah mengaitkan sistem politik Perikatan dan Barisan Nasional sebagai bentuk aplikasi permuafakatan berasaskan etnik (Von Vorys, 1975; Funston, 1999).

Kerjasama PH-BN pasca-PRU15 boleh dianalisis melalui kerangka permuafakatan ini. Walaupun tidak semestinya berasaskan etnik secara eksklusif seperti Perikatan dahulu, kerjasama ini melibatkan rundingan kuasa antara pelbagai aktor politik utama yang mewakili kepelbagaian segmen pengundi — sama ada dari segi ideologi, geografi, mahupun etnik. Elemen pakatan besar jelas dilihat melalui pembentukan kerajaan perpaduan yang menggabungkan 19 parti dari pelbagai latar belakang, manakala prinsip veto kumpulan minoriti dan rundingan dapat dilihat dalam pembahagian jawatan serta agihan kerusi pilihan raya. Walaupun pembentukan gabungan kerajaan perpaduan itu melibatkan 19 parti politik, parti-parti politik ini sudah pada asasnya memiliki gabungan tersendiri seperti dinyatakan di atas. Maka, gabungan kerajaan perpaduan ini merupakan sebuah permuafakatan dalam permuafakatan atau gabungan dalam gabungan. Kajian ini juga tidak membincangkan semua gabungan tersebut tetapi memfokuskan kepada kerjasama PH-BN yang diujarakan ke dalam arena pilihan raya kecil dan pilihan raya negeri.

Di samping itu, teori realisme politik menawarkan satu sudut pandang tambahan yang penting untuk memahami dinamika kerjasama ini. Berakar dalam pemikiran Hans Morgenthau (1948) dan Kenneth Waltz (1979), realisme politik berpandangan bahawa negara (dan dalam kes ini, parti politik) bertindak berasaskan kepentingan survival, kuasa, dan pengaruh — bukan semata-mata ideologi atau nilai bersama. Dalam konteks Malaysia pasca-PRU15, kerjasama antara PH dan BN boleh dilihat sebagai satu tindakan survival politik. Kedua-dua gabungan, setelah gagal mencapai majoriti, menghadapi ancaman ketidakstabilan politik, kehilangan kuasa, dan potensi dominasi oleh pihak ketiga seperti Perikatan Nasional (PN). Dalam keadaan ini, pertimbangan utama bukanlah kesepadanan ideologi, tetapi keperluan praktikal untuk membentuk kerajaan dan mengekalkan kedudukan masing-masing dalam struktur kuasa nasional.

Realisme politik juga membantu memahami mengapa kerjasama PH-BN di peringkat pilihan raya negeri dan kecil kadangkala menghadapi kesukaran. Dalam konteks persaingan tempatan, survival politik parti di peringkat negeri atau kawasan pilihan raya tertentu mungkin mengatasi komitmen kepada kerjasama nasional. Oleh itu, ketegangan, sabotaj dalaman, dan persaingan calon antara PH dan BN dalam beberapa PRN/PRK adalah manifestasi logik realisme politik pada peringkat mikro. Dalam erti kata lain, walaupun secara makro kerjasama diperlukan untuk mengekalkan kerajaan pusat, secara mikro parti-parti tetap beroperasi berdasarkan perkiraan survival masing-masing dalam ruang persaingan politik yang bersifat *zero-sum*.

Kombinasi teori permuafakatan Lijphart dan realisme politik membolehkan analisis yang lebih nuansa terhadap dinamika kerjasama PH-BN. Teori konsosiasionalisme menerangkan struktur asas kerjasama dan prinsip agihan kuasa manakala realisme politik menjelaskan turun naik, cabaran dalaman, dan ketidakseragaman dalam pelaksanaan kerjasama tersebut. Secara prinsip, gabungan dua kerangka ini membolehkan kajian ini mengelakkan



pandangan yang terlalu normatif tentang kerjasama (sebagai ideal konsosiasional) ataupun terlalu negatif (sebagai semata-mata perhitungan kuasa). Sebaliknya, ia membolehkan penilaian realistik terhadap sejauh mana kerjasama ini mampu bertahan dalam menghadapi tekanan pilihan raya dan tuntutan akar umbi.

TINJAUAN LITERATUR

Literatur mengenai politik Malaysia pasca-PRU14 dan PRU15 memperlihatkan minat yang mendalam terhadap fenomena penjajaran semula politik, kejatuhan gabungan pemerintah, serta bentuk-bentuk baru permuafakatan antara parti politik. Dalam konteks ini, penulisan akademik yang mengkaji hubungan antara Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN) selepas PRU15 masih relatif baharu, dan kajian ini bertujuan mengisi jurang tersebut dengan memberi tumpuan khusus kepada dinamika kerjasama dalam PRN dan PRK.

Sejak awal kemerdekaan, sistem politik Malaysia telah dibentuk berdasarkan kerjasama antara parti-parti politik yang mewakili pelbagai kumpulan etnik. Model awal ini diwujudkan menerusi pembentukan Parti Perikatan yang melibatkan kerjasama antara UMNO, MCA dan MIC. Permuafakatan ini berasaskan prinsip konsensus etnik, dan menjadi asas kepada kestabilan politik sehingga ke era 1969 (Von Vorys, 1975; Milne & Mauzy, 1999). Selepas rusuhan 13 Mei, permuafakatan ini diperluas menjadi Barisan Nasional (BN), dengan kemasukan parti-parti dari Sabah dan Sarawak serta parti pembangkang utama ketika itu seperti Gerakan dan PAS.

Model permuafakatan ini sering dikaitkan dengan teori demokrasi konsosiasionalisme (Lijphart, 1977) yang menekankan perkongsian kuasa dalam masyarakat berpecah. BN menjadi satu bentuk 'pakatan elit politik' yang mewakili kepelbagaian etnik di Malaysia, walaupun dalam amalannya UMNO memainkan peranan yang dominan (Case, 1995). Bagaimanapun, sejak awal 2000-an, cabaran terhadap dominasi BN semakin ketara, khususnya dengan kemunculan gabungan alternatif seperti Barisan Alternatif (1999), Pakatan Rakyat (2008) dan kemudiannya Pakatan Harapan (2015). Penurunan sokongan terhadap BN memuncak dalam PRU14 apabila gabungan tersebut tewas buat kali pertama dalam sejarah kepada PH. Kejatuhan BN mencetuskan perubahan mendalam dalam corak permuafakatan politik Malaysia. Mulai saat itu, politik Malaysia menjadi lebih cair, dengan penjajaran dan keruntuhan gabungan berlaku dalam kadar yang pantas (Welsh, 2020).

Beberapa kajian penting telah membincangkan dinamika politik penjajaran semula pasca-PRU14. Chin (2021) dan Weiss (2020) menggariskan bagaimana ketidakstabilan dalam gabungan PH, terutamanya perbezaan antara komponen utama seperti DAP, PKR dan Bersatu, menyumbang kepada kejatuhan kerajaan PH melalui episod Langkah Sheraton pada awal 2020. Langkah ini menyaksikan tertubuhnya kerajaan baharu pimpinan Perikatan Nasional (PN) yang disokong oleh UMNO, PAS dan Bersatu.

Kajian-kajian seperti Liow dan Yong (2020) serta Ufen (2022) menekankan bahawa kejatuhan PH bukan sahaja disebabkan oleh konflik dalaman, tetapi juga oleh faktor struktur



seperti kerapuhan institusi parti, ketiadaan budaya perkongsian kuasa yang mendalam dalam kalangan elit politik baharu, dan kegagalan untuk menyesuaikan diri dengan landskap politik pasca-etnosentrik.

Pengalaman PH sebagai kerajaan selama 22 bulan telah memperlihatkan had keupayaan sebuah gabungan yang longgar untuk mengekalkan kuasa dalam sistem politik yang kompleks. Kejatuhan ini telah mencetuskan persoalan tentang masa depan politik gabungan di Malaysia dan membuka jalan kepada pendekatan lebih pragmatik dalam membentuk kerajaan iaitu satu tema penting dalam kerjasama PH-BN selepas PRU15.

PRU15 menjadi titik perubahan yang sangat bermakna dan unik dalam politik Malaysia. Tiada satu gabungan yang berjaya memperoleh majoriti mudah, sekali gus memaksa parti-parti politik untuk membentuk satu bentuk kerjasama baharu demi mengelakkan ketidaktentuan politik yang berpanjangan. Kajian oleh Welsh (2023) dan Gomez dan Lee (2023) menegaskan bahawa pembentukan kerajaan perpaduan pasca-PRU15 bukan semata-mata satu kompromi politik, tetapi merupakan satu keperluan sistemik untuk mengelakkan kegagalan fungsi negara.

Kerjasama antara PH dan BN yang dahulu merupakan musuh ketat dilihat sebagai tidak terjangka, namun bukan tanpa duluan (*precedence*) dalam sejarah politik Malaysia yang pragmatik. Case (2023) berpendapat bahawa kerajaan perpaduan ini mencerminkan satu bentuk rundingan elit (*elite bargain*) baharu yang lebih bersifat taktikal berbanding ideologikal, walaupun pada masa yang sama mencetuskan cabaran legitimasi dalam kalangan penyokong akar umbi.

Walaupun terdapat beberapa penulisan awal mengenai pembentukan kerajaan perpaduan, terdapat jurang ketara dalam kajian yang mengupas bagaimana kerjasama ini dilaksanakan dan diuji dalam pilihan raya seterusnya — khususnya PRN dan PRK. Maka, bertitik tolak daripada itu, kajian ini memfokuskan perkara tersebut. Hal ini penting kerana kajian sedia ada banyak memberi tumpuan kepada keruntuhan PH dan pembentukan kerajaan perpaduan, tetapi kurang meneliti mekanisme pelaksanaan kerjasama PH-BN di peringkat negeri dan akar umbi. Selain itu, walaupun kerangka teori seperti konsosiasionalisme dan realisme politik telah digunakan untuk menjelaskan perubahan politik besar, penggunaannya dalam konteks PRN dan PRK masih terbatas. Kajian ini akan cuba menjawab persoalan tersebut dengan memberi fokus kepada pelaksanaan kerjasama PH-BN dalam PRN 2023 (Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan, Terengganu) serta PRK selepas PRU15. Fokus akan diberikan kepada bentuk agihan kerusi, kempen bersama, reaksi akar umbi, dan keputusan pilihan raya sebagai ukuran keberkesanan kerjasama.

PILIHAN RAYA NEGERI 2023 (PRN 2023)

Pilihan Raya Negeri telah diadakan di enam negeri iaitu Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kelantan, Terengganu dan Kedah. Enam negeri ini merupakan negeri yang ditadbir oleh Pakatan Harapan dan Perikatan Nasional sebelum PRN 2023. Apabila Perdana Menteri kesembilan, Ismail Sabri memohon pembubaran Parlimen kepada Yang diPertuan Agong pada



Oktober 2022, kerajaan di enam negeri ini memutuskan untuk tidak untuk tidak membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing bagi membolehkan pilihan raya diadakan serentak bersama Parlimen (Berita Harian, 14 Oktober 2022). Pasca PRU15, keenam-enam ketua kerajaan di enam negeri mulai merundingkan untuk menetapkan tarikh bersama untuk membubarkan DUN masing-masing (Sinar Harian, 14 Mei 2023). Hal ini akhirnya membolehkan pilihan raya negeri bagi keenam-enam DUN ini diadakan pada 12 Ogos 2023.

Bagi menghadapi pilihan raya ini, PH dan BN telah memuktamadkan bahawa tidak mahu mewujudkan pertembungan antara kedua-dua gabungan tersebut (Astro Awani, 5 Mei 2023). Keadaan ini telah menyebabkan rundingan kerusi telah diadakan. Kajian ke atas pembahagian kerusi di enam negeri tersebut untuk memahami siapa yang memiliki lebih keuntungan dalam permuafakatan politik PH-BN selepas PRU 2022.

Jadual 1 Perbandingan kerusi dimenangi oleh parti-parti PH-BN pada PRU 2018 dan kerusi ditandingi pada PRN 2023 di Selangor

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU 2018	Jumlah kerusi yang ditandingi dalam PRN 2023	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRN 2023
PKR	21	20	12
DAP	16	15	15
AMANAH	8	9	5
UMNO	4	12	2
MCA	0	0	0
MIC	0	0	0
JUMLAH	49	56	34

Sumber: Malaysiakini (undi.info)

Jadual 1 menunjukkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti dalam PH-BN dalam PRU14, diikuti agihan kerusi dalam PRN 2023 serta keputusannya di Selangor. Berdasarkan jumlah di atas, PKR yang memiliki jumlah kerusi tertinggi dalam PRU14 dan mengurangkan satu kerusi yang dimenangnya untuk ditandingi dalam PRN tersebut untuk ditandingi UMNO.¹ DAP juga mengurangkan jumlah kerusi kepada 15 kerusi berbanding 16 kerusi ditandingi dalam PRU14 bagi memberi laluan satu kerusi ditandingi oleh UMNO di Dusun Tua. Sebagai imbalan balik kepada pengorbanan DAP ini, parti itu memohon jawatan Speaker DUN apabila kerajaan dibentuk diberikan kepada calon DAP bukan dalam kalangan ahli DUN (Malaysiakini, 24 Julai 2023). AMANAH pula memperoleh pertambahan satu kerusi diberikan oleh UMNO di Hulu Bernam. UMNO pula bertanding di tiga kawasan yang

¹ PKR melepaskan kerusi Gombak Setia untuk ditandingi oleh UMNO. PKR juga membuat pertukaran kerusi dengan AMANAH. Kerusi AMANAH di Hulu Klang diberikan kepada PKR bagi parti itu mencabar bekas Menteri Besar Selangor, Azmin Ali. Manakala, AMANAH diberikan kerusi PKR di Batu Tiga.



dimenangi dalam PRU 2018² dan tujuh kerusi yang dimenangi oleh PPBM sebelumnya³ di samping dua kerusi yang diambil dari PH, Gombak Setia dan Dusun Tua dan satu kerusi yang dimenangi PAS dalam PRU 2018, Sijangkang. Formula kerjasama PH-BN di Selangor tidak memberikan sebarang ruang kepada parti komponen BN iaitu MCA dan MIC yang tidak memiliki kerusi untuk ditandingi. Perkiraan '*incumbent will stay*' memberikan manafaat yang banyak kepada parti komponen PH yang sudah memiliki banyak kerusi. Namun begitu, sokongan kepada gabungan PH-BN di Selangor masih gagal mewujudkan sokongan dua pertiga di DUN Selangor. Pencapaian PKR, AMANAH dan UMNO kian merosot terutamanya di kawasan pengundi Melayu manakala DAP berjaya menyapu bersih semua kerusi yang ditandingi. Sebahagian kemenangan dalam PRN ini oleh parti komponen PH & UMNO dimenangi dengan majoriti yang tipis (bawah 1000) undi seperti di Sungai Air Tawar (846 undi) dan Taman Templer (467 undi).

Jadual 2 Perbandingan kerusi dimenangi oleh parti-parti PH-BN pada PRU 2018 dan kerusi ditandingi pada PRN 2023 di Pulau Pinang

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU 2018	Jumlah kerusi yang ditandingi dalam PRN 2023	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRN 2023
PKR	14	13	7
DAP	19	19	19
AMANAH	2	2	1
UMNO	2	6	2
MCA	0	0	0
MIC	0	0	0
JUMLAH	37	40	29

Sumber: Malaysikini (undi.info)

Jadual 2 menerangkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti dalam PH-BN dalam PRU14, diikuti agihan kerusi dalam PRN 2023 serta keputusannya di Pulau Pinang. PKR bertanding di 13 kerusi yang dimenangi dalam PRU14 dengan pengurangan satu kerusi di Sungai Acheh yang diserahkan kepada UMNO. DAP pula mengekalkan hegemoni di Pulau Pinang dengan bertanding di semua kerusi di Pulau Pinang. Perkara yang sama dilakukan oleh AMANAH bertanding di dua kerusi yang dimenangi sebelumnya. UMNO yang hanya memperoleh dua kerusi dalam PRU14⁴, menambah dua kerusi yang pernah dimenangi PPBM⁵ di samping satu kerusi diberikan oleh PKR (Sungai Acheh) dan satu kerusi yang dimenangi PAS dalam PRU 2018 (Penaga). Seperti di Selangor, DAP mengekalkan sokongannya dengan

² Kerusi tersebut ialah Sungai Air Tawar, Sungai Burong dan Sungai Panjang

³ Kerusi itu merujuk kepada Batang Kali, Jeram, Kuang, Semenyih, Selat Kelang dan Dengkil

⁴ Dua kerusi tersebut merujuk kepada Sungai Dua dan Permatang Berangan.

⁵ Dua kerusi tersebut merujuk kepada Bertam dan Teluk Bahang.



tidak hilang satu kerusi pun setelah keputusan diumumkan. PKR menyusut di kebanyakan kerusi ditandingi calon Melayu apabila hanya dua calon Melayu PKR sahaja yang menang dalam PRN 2023 di negeri ini.⁶ AMANAH juga turut menerima tempias perubahan politik Melayu apabila hanya menang satu kerusi di Bayan Lepas.⁷ UMNO hanya memperoleh dua kerusi di Bertam dan Sungai Acheh. Seperti di Selangor, Pulau Pinang turut menyaksikan penyusutan sokongan pengundi Melayu terhadap PH di samping DAP terus mengekalkan sokongan yang padu. Namun, di Pulau Pinang, kerjasama PH dan BN masih mengungguli sokongan dua pertiga majoriti di DUN tersebut.

Jadual 3 Perbandingan kerusi dimenangi oleh parti-parti PH-BN pada PRU 2018 dan kerusi ditandingi pada PRN 2023 di Negeri Sembilan

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU 2018	Jumlah kerusi yang ditandingi dalam PRN 2023	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRN 2023
PKR	6	6	5
DAP	11	11	11
AMANAH	3	2	1
UMNO	15	17	14
MCA	0	0	0
MIC	1	0	0
JUMLAH	36	36	31

Sumber: Malaysikini (undi.info)

Jadual 3 menggambarkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti dalam PH-BN dalam PRU14, diikuti agihan kerusi dalam PRN 2023 serta keputusannya di Negeri Sembilan. PKR dan DAP menyertai PRN 2023 di Negeri Sembilan dengan mengekalkan jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU14. AMANAH pula dilihat menyerahkan satu kerusi kepada UMNO di Lenggeng. UMNO pula memperoleh pertambahan dua kerusi dari Lenggeng dan Jeram Padang, yang sebelumnya dimenangi oleh MIC. Keadaan ini menjadikan UMNO mempunyai kerusi terbanyak dalam permuafakatan ini. Secara tidak langsung kerjasama PH-BN telah menafikan kerusi terakhir MIC di negeri tersebut di samping MCA yang dilihat tidak mempunyai apa-apa keuntungan. Keputusan PRN 2023 menunjukkan politik di negeri tersebut masih memberikan keuntungan kepada PH-BN apabila PN hanya berjaya memenangi lima kerusi sahaja. Sokongan politik Melayu kepada PN yang bertiup dari koridor utara tidak membadaai negeri beradat pepatih ini. Hal ini berbeza dengan perubahan sokongan pengundi

⁶ Dua kawasan itu ialah Batu Maung dan Pulau Jerjak yang memiliki lebih 40% pengundi bukan Melayu.

⁷ Bayan Lepas mempunyai 35.9% pengundi bukan Melayu. AMANAH tewas di Permatang Pasir yang dimenangi dalam PRU 2018.



Melayu kepada PN yang kuat di Perlis, Kedah, Perak, Pahang dan Selangor di samping tidak koridor kuasa yang dimiliki oleh PN (terutamanya di Kelantan dan Terengganu.

Jadual 4 Perbandingan kerusi dimenangi oleh parti-parti PH-BN pada PRU 2018 dan kerusi ditandingi pada PRN 2023 di Kedah

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU 2018	Jumlah kerusi yang ditandingi dalam PRN 2023	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRN 2023
PKR	8	10	2
DAP	2	2	1
AMANAH	3	9	0
UMNO	3	15	0
MCA	0	0	0
MIC	0	0	0
JUMLAH	16	36	3

Sumber: Malaysikini (undi.info)

Jadual 4 menggambarkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti dalam PH-BN dalam PRU14, diikuti agihan kerusi dalam PRN 2023 serta keputusannya di Kedah. Berdasarkan jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU14, PKR merupakan parti yang mempunyai kerusi yang banyak di Kedah diikuti DAP dan UMNO yang masing-masing mempunyai tiga kerusi di samping AMANAH dengan dua kerusi. Percaturan politik PH-BN meletakkan semua parti bertanding di semua kerusi yang pernah dimenangi dalam PRU 2018⁸ diikuti dengan agihan yang memberi kelebihan kepada UMNO. Keputusan PRN 2023 benar-benar mencerminkan penolakan terhadap calon Melayu dari PH-BN apabila hanya tiga calon bukan Melayu PH yang menang di Kota Darul Aman (DAP), Bakar Arang (PKR) dan Sidam (PKR).

⁸ PKR bertanding di tujuh kerusi dimenangi dalam PRU 2018; Suka Menanti, Gurun, Bukit Selambau, Bakar Arang, Sidam, Lunas dan Kulim. Parti ini menyerahkan satu kerusi, Kubang Rotan kepada AMANAH. Di samping itu, PKR menambah tiga kerusi baharu. DAP yang menang dalam PRU 2018 mengekalkan dua kerusi dimenangi iaitu di Derga dan Kota Darul Aman. AMANAH mengekalkan tiga kerusi dimenangi pada PRU 2018 iaitu Alor Mengkudu, Kota Siputih dan Pengkalan Kundor di samping menambah enam kerusi baharu. UMNO pula mengekalkan tiga kerusi dimenangi pada 2018 untuk ditandingi iaitu Sungai Tiang, Guar Chempedak dan Bandar Baharu di samping penambahan 12 kerusi baharu.



Jadual 5 Perbandingan kerusi dimenangi oleh parti-parti PH-BN pada PRU 2018 dan kerusi ditandingi pada PRN 2023 di Kelantan

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU 2018	Jumlah kerusi yang ditandingi dalam PRN 2023	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRN 2023
PKR	0	7	0
DAP	0	0	0
AMANAH	0	7	1
UMNO	8	31	1
MCA	0	0	0
MIC	0	0	0
JUMLAH	8	45	2

Sumber: Malaysikini (undi.info)

Jadual 5 menggambarkan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti dalam PH-BN dalam PRU14, diikuti agihan kerusi dalam PRN 2023 serta keputusannya di Kelantan. Hanya UMNO yang memiliki lapan kerusi di Kelantan sebelum PRN 2023 diadakan.⁹ UMNO mengekalkan calon di lapan kerusi ini di samping penambahan 23 kerusi untuk ditandingi. PKR dan AMANAH masing-masing diberikan jumlah kerusi yang sama iaitu tujuh kerusi. Keputusan PRN 2023 masih mencerminkan perubahan politik Melayu di Kelantan yang berpihak kepada PAS terutamanya dan PN amnya¹⁰ dengan hanya dua kerusi dimenangi oleh PH-BN iaitu di Kota Lama (AMANAH) dan Galas (UMNO). Penguasaan dua kerusi boleh dianggap beruntung berbanding monopoli sepenuhnya ke atas kerusi Parlimen di Kelantan oleh PN dalam PRU 2022. Namun begitu, penguasaan AMANAH di Kota Lama dengan majoriti yang tipis memberikan satu titik bermakna dalam politik Malaysia apabila parti ini berjaya memenangi kerusi pertamanya di Kelantan sejak penubuhannya pada 2015. Jumlah kerusi PH-BN bertambah kepada tiga kerusi apabila UMNO melalui calonnya berjaya memenangi PRK Nenggiri pada tahun 2024.

Jadual 6 Perbandingan kerusi dimenangi oleh parti-parti PH-BN pada PRU 2018 dan kerusi ditandingi pada PRN 2023 di Terengganu

Parti	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU 2018	Jumlah kerusi yang ditandingi dalam PRN 2023	Jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRN 2023
PKR	0	3	0

⁹ UMNO menang dalam PRU 2018 di Kok Lanas, Gual Ipoh, Bukit Bunga, Air Lanas, Kuala Balah, Nenggiri, Paloh dan Galas.

¹⁰ Semua calon PN bertanding menggunakan logo PAS di Kelantan dan Terengganu.



DAP	0	0	0
AMANAH	0	2	0
UMNO	10	27	0
MCA	0	0	0
MIC	0	0	0
JUMLAH	10	0	0

Sumber: Malaysikini (undi.info)

Jadual 6 menjelaskan jumlah kerusi yang dimenangi oleh parti-parti dalam PH-BN dalam PRU 2022, diikuti agihan kerusi dalam PRN 2023 serta keputusannya di Terengganu. UMNO memasuki gelanggang PRN 2023 dengan bekalan 10 kerusi yang dimenangi dalam PRU 2018.¹¹ UMNO bertanding di semua kerusi yang dimenanginya dalam PRU 2018 di samping pertambahan 17 kerusi lagi. PKR dan AMANAH masing-masing memperoleh tiga dan dua kerusi yang tiada sejarah kemenangan parti tersebut di kawasan itu. Keputusan PRN 2023 menggambarkan penguasaan penuh PN di Terengganu apabila gabungan itu menang semua kerusi sekaligus menamatkan peranan pembangkang di Terengganu. Hal ini juga satu trajektori baharu dalam politik Malaysia pasca kejatuhan BN apabila wujud satu parti mampu membolot semua kerusi DUN dalam sesebuah negeri tanpa memberi peluang kepada kewujudan pembangkang.

Melihat dengan lebih mendalam kerjasama PH-BN, beberapa perkara boleh diamati dan diperhalusi. Kerjasama PH dan BN tidak menyeragamkan penggunaan logo untuk bertanding dalam PRN ini. PH dan BN masing-masing menggunakan logo masing-masing dalam PRN ini (Malaysia Gazette, 14 Mei 2023). Kedua-dua gabungan ini telah menggerakkan jentera pilihan raya secara bersama dengan jelas mempamerkan kedua-dua logo gabungan tersebut dalam bahan edaran kempen mereka (Berita Harian, 6 Ogos 2023). Kedua-dua parti ini juga bersepakat untuk menghasilkan manifesto bersama ke arah usaha mereka untuk membina kerajaan setelah gabungan itu memenangi PRN (Astro Awani, 2 Ogos 2023). Perkara-perkara ini boleh dikategorikan sebagai usaha mereka yang dilihat sebagai satu bentuk pakatan pilihanraya sahaja bukan satu bentuk permuafakatan politik dengan satu identiti. Hal ini selaras dengan kenyataan Detter (2012) yang menyatakan bahawa pakatan pilihan raya ialah bentuk kerjasama taktikal yang bersifat mengejut dan tidak melibatkan pembentukan gabungan formal. Ia sering terhad kepada persetujuan mengelakkan pertembungan kerusi, menyokong calon tertentu, atau menjalankan kempen minimum bersama, tanpa satu platform dasar yang dikongsi atau struktur institusi yang kekal.

Selain itu, kajian ini juga melihat bahawa kerjasama PH-BN itu bukanlah secara jelasnya kerjasama melibatkan parti komponen PH dan parti komponen BN. Hakikat yang perlu diakui berdasarkan jadual-jadual di atas kerjasama tersebut hanyalah melibatkan tiga parti dari PH; PKR, DAP dan AMANAH bersama UMNO sahaja. MCA dan MIC jelas kelihatan tidak diberikan ruang dalam kerjasama pilihan raya ini apabila tiada satu kerusipun diberikan

¹¹ Kerusi tersebut ialah Kuala Besut, Jertih, Hulu Besut, Pemaissuri, Langkap, Bukit Rakit, Seberang Takir, Telemung, Bukit Besi dan Kijal



kepada dua parti ini. Pada awalnya, Pengerusi BN, Ahmad Zahid memberikan jaminan bahawa MCA dan MIC akan diberikan kerusi untuk ditandingi dalam PRN ini (Berita Harian, 27 Jun 2023). Namun, lebih seminggu dari tarikh kenyataan Zahid ini dikeluarkan, dua parti tersebut telah menyatakan hasrat untuk tidak bertanding dalam PRN di enam negeri ini (Astro Awani, 5 Julai 2023). Jika difahami dengan konsep keputusan dahuluhan (*incumbent stay*), kedua-dua parti ini memang tidak mempunyai kelebihan melainkan satu kerusi di Jeram Padang, Negeri Sembilan yang dimenangi MIC dalam PRU14.

Seterusnya, keputusan PRN 2023 juga jelas menunjukkan kemerosotan kerusi meskipun seharusnya gabungan sewajarnya memperkukuhkan kedudukan parti yang bergabung. Hal ini berlainan dengan kerjasama PH-BN yang jelas memperlihatkan UMNO semakin menonjolkan penolakan pengundi terhadap parti ini terutama di kerusi yang mempunyai pengundi Melayu. Ketiadaan kerusi dimenangi oleh UMNO di Kedah dan Terengganu di samping satu kerusi sahaja di Kelantan jelas menunjukkan parti ini kehilangan asas sokongan pengundi Melayu di negeri yang menyaksikan kepadatan pengundi Melayu yang tinggi. Kemenangan UMNO di Selangor melalui kemenangan dua kerusi sahaja. Di Sungai Air Tawar, kemenangan diperoleh melalui majoriti yang tipis (846 undi). Manakala, di Dusun Tua pula UMNO menang di kerusi pengundi Melayu marginal (57.2% pengundi Melayu) dengan kemenangan majoriti 3014 undi setelah DAP yang menang di kerusi tersebut dalam PRU14 membuat keputusan menyerahkan kerusi tersebut kepada UMNO untuk ditandingi. Dua kemenangan UMNO di Pulau Pinang juga melihatkan nasib yang serupa seperti di Selangor. Di Sungai Acheh, UMNO menang dengan majoriti 124 kerusi manakala di Bertam, UMNO menang dengan majoriti 2321 melalui calon berpengaruh, Reezal Merican yang merupakan bekas menteri dan ahli Parlimen Kepala Batas yang tewas dalam PRU15. Hanya di Negeri Sembilan, UMNO selesa dengan kemenangan 14 kerusi di samping PH yang menang 17 kerusi. Namun, UMNO tidak diberikan kerusi Menteri Besar apabila PKR yang menang enam kerusi memperolehi kelebihan jawatan Menteri Besar sebelumnya meneruskan legasi tersebut.

Secara keseluruhannya, kerjasama ini selain boleh dilihat sebagai satu permuafakatan politik, ia boleh juga dilihat sebagai satu usaha survival oleh dua gabungan politik di Malaysia. BN, melalui UMNO terutamanya, memerlukan PH untuk terus memastikan parti itu menjadi tunjang kepada kerajaan yang berkuasa di Selangor dan Pulau Pinang meskipun parti itu daripada segi kerusi yang dimiliki amat lemah. Begitu juga dengan PH, kewujudan UMNO mampu memperkukuh kekuatan pemerintahan kerajaan negeri yang ditadbir. Di Selangor, misalnya secara hipotetikal, PH hanya mampu memenangi 32 kerusi sahaja daripada 56 kerusi tanpa UMNO dan ini menjadikan majoriti yang dimiliki tipis jika tidak bekerjasama. Dalam hal yang lain, dengan ketiadaan kerjasama dengan UMNO, sebahagian kerusi PH juga mungkin akan hilang tanpa sokongan pengundi UMNO. Begitu juga dengan Pulau Pinang, dengan keberadaan dua wakil UMNO, ahli DUN Pulau Pinang Melayu menjadi kepada enam orang.¹²

¹² PH mempunyai empat ahli DUN Melayu iaitu di Pantai Jerjak (PKR), Tanjong Bungah (DAP), Bayan Lepas (AMANAH) dan Batu Maung (PKR). Dengan keberadaan dua ahli DUN UMNO dari UMNO di Bertam dan Sungai Acheh, PH-BN mempunyai enam ahli DUN Melayu.



Dengan keberadaan enam ahli DUN Melayu ini akan memperlihatkan kerajaan PH-BN mempunyai perwakilan suara Melayu.

PILIHAN RAYA KECIL (PRK) SELEPAS PRU15

Selepas PRU15, Malaysia menyaksikan 12 siri PRK yang berlaku dan 11 PRK tersebut berlaku di Semenanjung. Dalam 11 pilihan raya yang berlaku di Semenanjung, parti komponen PH-BN berjaya memenangi 11 kerusi PRK.

Jadual 7 Senarai Pilihan Raya Kecil Selepas PRU 2022 di Semenanjung

Kawasan	Tarikh	Keputusan PRU 2022/ PRN 2023	Parti Bertanding (PH-BN)	Keputusan
DUN Tioman, Pahang	7 Disember 2022	UMNO	UMNO	Menang
Parlimen Kuala Terengganu, Terengganu	12 Ogos 2023	PAS	PKR	Kalah
DUN Simpang Jeram, Johor	9 September 2023	AMANAH	AMANAH	Menang
Parlimen Pulai, Johor	9 September 2023	AMANAH	AMANAH	Menang
DUN Pelangai, Johor	7 Oktober 2023	UMNO	UMNO	Menang
Parlimen Kemaman, Terengganu	2 Disember 2023	PAS	UMNO	Kalah
DUN Kuala Kubu Bharu, Selangor	11 Mei 2024	DAP	DAP	Menang
DUN Sungai Bakap, Pulau Pinang	6 Julai 2024	PAS	PKR	Kalah
DUN Nenggiri, Kelantan	17 Ogos 2024	PPBM	UMNO	Menang
DUN Mahkota, Johor	28 September 2024	UMNO	UMNO	Menang
DUN Ayer Kuning, Perak	26 April 2025	UMNO	UMNO	Menang

Sumber: Portal SPR

Jadual 7 memperlihatkan berkenaan 11 pilihan raya kecil yang berlangsung di Semenanjung selepas PRU14. Daripada 11 pilihan raya tersebut, lapan PRK disebabkan oleh kematian penyandanginya kecuali kerusi Parlimen Kuala Terengganu, Parlimen Kemaman dan DUN Nenggiri. PRK Kuala Terengganu diadakan berikutan keputusan Mahkamah Pilihan Raya Terengganu membatalkan kemenangan Ahmad Amzad (PAS) setelah mendapati wujud unsur rasuah ketika tempoh kempen PRU15 (Malaysia Gazette, 12 Ogos 2023). PRK Kemaman pula diadakan apabila Mahkamah Tinggi Kuala Terengganu mendapati terdapat semasa tempoh berkempen PRU15 untuk meraih undi kepada calon PAS (Harian Metro, 26 September 2023). PRK DUN Nenggiri pula diadakan apabila kekosongan kerusi yang diumumkan Speaker DUN Kelantan selepas bekas penyandanginya Mohd Azizi Abu Naim (BERSATU) digugurkan keahlian oleh BERSATU.



Kajian ini melihat kerjasama PH-BN mengekalkan status quo bagi menentukan parti yang bertanding dalam PRK tersebut. Tujuh kerusi ditandingi oleh parti dalam kerjasama PH-BN yang memenangi pilihan raya tersebut sebelumnya. Kerusi tersebut ialah DUN Tioman, DUN Simpang Renggam, Parlimen Pulau, DUN Pelangai, DUN Kuala Kubu Bharu, DUN Mahkota dan DUN Ayer Kuning. Bagi kerusi Parlimen Terengganu, PH telah menukar parti yang bertanding di kawasan itu.¹³ Bagi PRK Kemaman pula, UMNO meletakkan calonnya memandangkan parti ini mempunyai jumlah undi kedua tertinggi dalam PRU 2022.¹⁴ Bagi DUN Sungai Bakap pula, permuafakatan ini memilih untuk meletakkan parti yang mereka calonkan dalam PRN 2023, PKR.¹⁵ PRK DUN Nenggiri pula meletakkan calon dari UMNO berdasarkan rekod PRN 2023 yang menyaksikan calon UMNO bertanding di situ.

Untuk kesemua 11 PRK ini, kerjasama PH-BN jelas menunjukkan sejarah lepas dengan melihat parti yang menang akan bertanding di kawasan tersebut. Jika itu bukan keadaannya, parti yang memiliki kerusi kedua terbanyak dalam PRN atau PRU lepas akan diletakkan bertanding di kawasan tersebut. Namun begitu, keputusan menunjukkan status quo dikekalkan apabila tiada perubahan di 10 kerusi PRK ditandingi melainkan di DUN Nenggiri yang menyaksikan peralihan kerusi dari BERSATU kepada UMNO.

PERBINCANGAN

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bentuk kerjasama antara PH-BN selepas PRU15 tidak sepenuhnya menggambarkan permuafakatan politik dalam bentuk konsosiasionalisme acuan Lijphart (1969, 1977). Walaupun terdapat elemen pakatan besar melalui pembentukan kerajaan perpaduan, pelaksanaan kerjasama dalam konteks pilihan raya negeri dan kecil lebih bersifat taktikal dan *ad hoc*. Empat ciri utama konsosiasionalisme — iaitu gabungan besar, perwakilan berkadar, veto minoriti, dan autonomi segmen — tidak diaplikasikan secara menyeluruh dalam kerjasama ini. Contohnya, keputusan untuk tidak menggunakan satu logo bersama dan kegagalan untuk melibatkan semua parti komponen BN seperti MCA dan MIC menunjukkan kekurangan dari segi struktur institusi dan mekanisme kuasa bersama yang mapan.

Di sebalik itu, teori realisme politik memberikan kerangka yang lebih sesuai untuk memahami keperluan utama kerjasama ini. Morgenthau (1948) menegaskan bahawa tindakan politik sering terjadi disebabkan oleh keperluan untuk mengekalkan kuasa dan mengelakkan kehilangan pengaruh. Dalam konteks ini, PH dan BN berhadapan dengan satu realiti politik yang menyaksikan tiada gabungan mempunyai majoriti mudah selepas PRU15. Oleh yang demikian, pembentukan pakatan adalah satu bentuk keperluan survival politik. Kerjasama ini

¹³ Dalam PRU15, AMANAH meletakkan calon di Kuala Terengganu. Namun, dalam PRK Kuala Terengganu, calon daripada PKR diletakkan bagi kerusi tersebut.

¹⁴ Dalam PRU 2022, calon PAS menang dengan undi 65,774 undi diikuti oleh calon BN (38, 535 undi) dan calon PH (8,340 undi)

¹⁵ PKR mempunyai rekod kejayaan dalam PRU 2018 menjadikan parti itu dipilih dalam PRN 2023. Namun begitu, PKR masih tewas dalam PRK ini.



menjadi satu bentuk kompromi yang mengutamakan kelangsungan kuasa di peringkat persekutuan dan negeri, meskipun terpaksa mengorbankan prinsip ideologi serta identiti politik yang berbeza.

Namun, pendekatan realisme politik juga dapat menjelaskan mengapa kerjasama ini gagal diterjemahkan secara konsisten di peringkat akar umbi. Beberapa keputusan dalam PRN 2023, terutamanya di Kedah, Kelantan dan Terengganu, menunjukkan bahawa pengundi Melayu tidak menerima gabungan ini sebagai satu entiti politik yang mewakili mereka. Penolakan ini juga membayangkan wujudnya jurang antara kompromi elit dan penerimaan akar umbi, yang merupakan satu cabaran besar dalam membina permuafakatan politik yang berakar. Liow dan Yong (2020) menyatakan bahawa tanpa legitimasi akar umbi, kerjasama elit sukar untuk bertahan dalam jangka panjang dan berisiko mencetuskan fragmentasi dalaman.

Selanjutnya, dapatan menunjukkan bahawa agihan kerusi dalam PRN tidak berlaku secara seimbang. DAP, misalnya, mengekalkan semua kerusinya dan menunjukkan prestasi konsisten, manakala UMNO mengalami kemerosotan besar, walaupun diberikan lebih banyak kerusi untuk ditandingi. Ini menimbulkan persoalan sama ada PH menggunakan kerjasama ini sebagai strategi untuk memperkukuh dominasi parti dominan seperti DAP dan PKR, dengan meletakkan UMNO sebagai rakan kerjasama yang melemah dan digunakan untuk menampung kelemahan pengaruh PH dalam kalangan pengundi Melayu. Dari sudut ini, kerjasama PH-BN boleh dilihat sebagai pakatan taktikal bersifat asimetrik — sepertimana diperincikan oleh Bogaards (2019) dalam kajiannya terhadap pakatan rentas parti yang bersifat tidak seimbang.

Dalam konteks ini, analisis terhadap PRK juga memberikan gambaran bahawa PH-BN cenderung mengekalkan status quo berdasarkan sejarah kemenangan kerusi. Strategi ini mungkin dilihat stabil dalam jangka pendek, tetapi tidak membantu dalam membina satu identiti politik bersama. Detter (2012) menyatakan bahawa bentuk pakatan sebegini hanya memberi kesan minimum terhadap pembentukan budaya gabungan politik yang berkekalan kerana ia tidak mengambil kira visi jangka panjang, struktur institusi, atau identiti bersama.

Walau bagaimanapun, tidak boleh dinafikan bahawa kerjasama PH-BN telah menghasilkan kestabilan politik di peringkat persekutuan dan di negeri-negeri utama seperti Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Selangor. Dalam konteks politik pasca-etnik yang semakin rumit, kemampuan untuk mengekalkan kerajaan yang stabil dengan kerjasama rentas ideologi merupakan satu pencapaian yang penting. Hal ini menunjukkan wujudnya satu bentuk adaptasi strategik terhadap landskap politik baharu Malaysia yang lebih terbuka, tidak menentu dan kurang terikat kepada paksi etnik seperti era BN dahulu.

Akhirnya, kajian ini menyimpulkan bahawa kerjasama PH-BN pasca-PRU15 lebih wajar dilihat sebagai satu bentuk kerjasama dilaksanakan oleh elit politik dalam jangka pendek dan merupakan satu eksperimen politik Malaysia yang unik. Ia mencerminkan usaha parti-parti utama untuk menyesuaikan diri dengan realiti politik pasca dominasi seperti diamalkan oleh UMNO dalam BN, namun masih belum mencapai satu bentuk konsosiasionalisme penuh yang dicadangkan oleh Lijphart (1977). Masa depan kerjasama ini bergantung kepada keupayaannya untuk membina sokongan akar umbi, membentuk identiti bersama, dan



menangani cabaran ketidakseimbangan kuasa serta ketidakpuasan dalaman dalam kalangan parti komponen.

RUJUKAN

- Astro Awani. (2023, 5 Mei). PRN 6 negeri: PH, BN capai kata sepakat, tiada pertindihan kerusi. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-pembahagian-kerusi-bnph-di-enam-negeri-hampir-selesai-zahid-418286>
- Astro Awani. (2023, 5 Julai). MCA, MIC putus tidak bertanding PRN 6 negeri. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-politik/mic-tidak-bertanding-pada-prn-bulan-depan-426825>
- Astro Awani (2023, 2 Ogos). PRN: PH-BN Pulau Pinang lancar Manifesto Perpaduan. Diakses dari <https://www.astroawani.com/berita-politik/prn-phbn-pulau-pinang-lancar-manifesto-perpaduan-430856>
- Berita Harian. (2022, 14 Oktober). 6 negeri tak bubar DUN serentak PRU15. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/10/1012333/negeri-tak-bubar-dun-berisiko-kalah-bila-prn>
- Berita Harian. (2023, 6 Ogos). Jentera PH-BN guna dua logo, bergerak bersama hadapi PRN. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/08/1136632/jentera-ph-bn-bekerjasama-yakinkan-pengundi>
- Berita Harian. (2023, 27 Jun). Zahid beri jaminan MCA, MIC bertanding PRN. Diakses dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1119697/saya-beri-jaminan-mca-mic-akan-ada-kerusi-tanding-prn-zahid>
- Bogaards, M. (2019). De-Democratization in Hungary: Diffusely Defective Democracy. *Democratization*, 26(3), 1–17.
- Case, W. (1995). Malaysia: Aspects and Audiences of Legitimacy. In M. Alagappa (Ed.), *Political Legitimacy in Southeast Asia: The Quest for Moral Authority* (hlm. 69–106). Stanford University Press.
- Case, W. (2023). Post-GE15 Coalition Politics in Malaysia: Tactical Partnerships and Structural Constraints. *Asian Journal of Comparative Politics*, 8(1), 45–62.
- Chin, J. (2021). The Sheraton Move and the Collapse of Malaysia's Pakatan Harapan Government. *The Round Table: The Commonwealth Journal of International Affairs*, 110(1), 104–118.
- Detter, M. (2012). Coalition Formation in Divided Societies. *Journal of Peace Research*, 49(3), 395–409.
- Funston, J. (1999). Malaysia's Tenth General Elections: Status Quo, Reformasi or Islamization?. *Contemporary Southeast Asia*, 21(1), 23–59.
- Gomez, E. T., & Lee, H. A. (2023). Malaysia's Post-Election Political Crisis: Elite Bargaining and Coalition Realalignments. *Journal of Current Southeast Asian Affairs*, 42(1), 3–26.



- Harian Metro. (2023, 26 September). Mahkamah batal kemenangan calon PAS di Kemaman. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/utama/2023/09/1013613/kemenangan-pn-di-kerusi-parlimen-kemaman-dibatalkan>
- Liow, J. C., & Yong, T. (2020). Malaysia's New Politics: From Ethnic to Ideological?. *Contemporary Southeast Asia*, 42(3), 381–401.
- Lijphart, A. (1969). Consociational Democracy. *World Politics*, 21(2), 207–225.
- Lijphart, A. (1977). *Democracy in Plural Societies: A Comparative Exploration*. New Haven: Yale University Press.
- Malaysia Gazette. (2023, 14 Mei). Logo PH, BN dikekalkan dalam PRN. Diakses dari <https://malaysiagazette.com/2023/05/14/ph-bn-guna-logo-masing-masing-di-prn-kedah-mahdzir/>
- Malaysia Gazette. (2023, 12 Ogos). PRK Kuala Terengganu: Ahmad Amzad hilang kelayakan kerana rasuah. Diakses dari <https://malaysiagazette.com/2023/08/12/ahmad-amzad-menang-semula-kerusi-parlimen-kuala-terengganu/>
- Malaysiakini. (2023, 24 Julai). DAP mahu jawatan speaker DUN Selangor jika kerusi diserahkan kepada UMNO. Diakses dari <https://www.malaysiakini.com/news/673030>
- Milne, R. S., & Mauzy, D. K. (1999). *Malaysian Politics under Mahathir*. London: Routledge.
- Morgenthau, H. J. (1948). *Politics Among Nations: The Struggle for Power and Peace*. New York: Alfred A. Knopf.
- Sinar Harian. (2023, 14 Mei). Tarikh pembubaran DUN 6 negeri dimuktamad minggu depan. Diakses dari <https://www.sinarharian.com.my/article/258402/berita/politik/prn-enam-negeri-masih-kekal-sepakat-bubar-dun-serentak>
- Ufen, A. (2022). The Breakdown of the Pakatan Harapan Government in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 52(1), 120–139.
- Von Vorys, K. (1975). *Democracy Without Consensus: Communalism and Political Stability in Malaysia*. Princeton: Princeton University Press.
- Weiss, M. L. (2020). Coalitions, Patronage and the Challenges of Democratization in Malaysia. *Democratization*, 27(2), 236–253.
- Welsh, B. (2020). Malaysia's Democratic Opening and Its Closure: The Role of Elites and Institutions. *Journal of Democracy*, 31(4), 125–139.
- Welsh, B. (2023). Unity Government or Unity of Elites? Post-GE15 Political Bargains in Malaysia. *Contemporary Southeast Asia*, 45(1), 24–49.



Muhammad Azzubair Awwam Mustafa
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Sarawak
mmaawwam@unimas.my

Kartini Aboo Talib@Khalid
Institut Kajian Etnik (KITA),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
k_khalid@ukm.edu.my

Nazri Muslim
Institut Kajian Etnik (KITA),
Pusat Pengajian Citra Universiti (CITRA),
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
nazrim@ukm.edu.my